

# Tahan nelayan asing

*Menerusi Ops  
Pintasan di perairan  
Kuala Selangor*

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA SELANGOR

**P**asukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot pukat tunda bersama empat nelayan warga asing menerusi Ops Pintasan di perairan Kuala Selangor di sini kelmarin.

Komander PPM Wilayah 1, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, bot tersebut dikesan dalam keadaan mencurigakan kira-kira jam 10 pagi.

“Pemeriksaan mendapati terdapat empat warga Indonesia berusia lingkungan 37 hingga 43 tahun yang mana salah seorang merupakan tekong, manakala tiga lagi ialah awak-awak.



PPM menahan empat warga Indonesia di perairan Kuala Selangor kelmarin.

“Siasatan mendapati nelayan terbabit melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Tambahnya, antara kesalahan itu adalah tiada kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia untuk menggunakan pekerja dan awak-awak asing serta menggunakan saiz mata pukat bahagian keroncang kurang dari 38 milimeter ukuran tegang.

Selain itu, keempat-empat tangkapan itu juga gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang sah.

Katanya, warga Indonesia ini juga akan disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

“PPM telah bertindak merampas bot terbabit selain rampasan pukat, tali tunda, papan tunda serta hasil tangkapan udang dan ikan seberat kira-kira 100 kilogram,” katanya.